

**KITAB PUASA**  
**DARIPADA BULUGH AL-MARAM MIN ADILLAT AL-AHKAM**  
**OLEH AL-HAFIZ IBN HAJAR AL-'ASQALANI**  
Disediakan oleh Maktabah Al-Bakri

1. Dari Abu Hurairah RA, beliau berkata, "*Rasulullah SAW bersabda, 'Janganlah kalian mendahului Ramadhan dengan berpuasa sehari atau dua hari kecuali bagi orang yang terbiasa berpuasa, maka silakan berpuasa.'* **Muttafaq 'alaih**
2. Dari Ammar bin Yasir RA, beliau berkata, "*Barangsiapa berpuasa pada hari yang masih diragukan, maka ia telah derhaka kepada Abu al-Qasim (Nabi Muhammad SAW).*" (Disebutkan oleh Imam al-Bukhari secara *mu'allaq* dan dimausulkan oleh lima Imam. **Hadith ini disahihkan oleh Ibn Khuzaimah serta Ibn Hibban.**)
3. Dari Ibnu Umar RA, beliau berkata, "*Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda, 'Apabila kalian melihat anak bulan maka berpuasalah dan apabila kamu melihat anak bulan maka berbukalah. Jika mendung menutupi kalian, maka genapkanlah.'* **Muttafaq 'alaih.** Dalam riwayat Muslim disebutkan, "*Jika mendungi menutupi kalian maka genapkanlah menjadi tiga puluh hari.*" Dan dalam riwayat al-Bukhari disebutkan, "*Maka sempurnakanlah hitungannya menjadi tiga puluh hari.*"
4. Dalam riwayat al-Bukhari, dari hadith Abu Hurairah, "*Maka sempurnakanlah jumlah bulan Sya'ban menjadi 30 hari.*"
5. Dari Ibn Umar RA, beliau berkata, "*Orang-orang melihat bulan sabit, lalu aku memberitahu Nabi bahwasanya aku benar-benar telah melihatnya. Kemudian Baginda berpuasa dan menyuruh orang-orang untuk berpuasa.*" **Hadits riwayat Abu Daud dan disahihkan oleh al-Hakim serta Ibn Hibban**
6. Dari Ibnu Abbas RA bahwasanya ada seorang Arab Badwi menghadap Nabi SAW, lalu berkata, "*Sungguh aku telah melihat bulan sabit.*" Nabi bertanya, "*Apakah kamu bersaksi bahwa tidak ada Tuhan yang berhak disembah selain Allah?*" Jawabnya, "*Ya.*" Beliau bertanya lagi, "*Apakah kamu bersaksi bahwa Muhammad adalah utusan Allah?*" Jawabnya, "*Ya.*" Maka beliau bersabda, "*Wahai Bilal! Beritahukanlah kepada orang-orang, hendaknya mereka berpuasa esok.*" **Hadith**

***riwayat lima orang Imam dan disahihkan oleh Ibn Khuzaimah serta Ibn Hibban namun an-Nasa'i menilainya mursal***

7. Dari Hafsa Ummul Mukminin bahawa Nabi SAW bersabda: "*Barangsiapa tidak berniat puasa sebelum fajar, maka tidak ada puasa baginya.*" ***Riwayat lima Imam. Tirmidzi dan Nasa'i lebih cenderung menilainya hadits mauquf. Ibnu Khuzaimah dan Ibnu Hibban menilainya shahih secara marfu'.*** Menurut riwayat Daruquthni: "*Tidak ada puasa bagi orang yang tidak meniatkan puasa wajib semenjak malam.*"
8. 'Aisyah RA berkata: Suatu hari Nabi SAW masuk ke rumahku, lalu Baginda bertanya: "*Apakah ada sesuatu padamu?*" Aku menjawab: *Tidak ada.* Beliau bersabda: "*Kalau begitu aku berpuasa.*" Pada hari lain Baginda mendatangi kami dan kami katakan: *Kami diberi hais.* Beliau bersabda: "*Tunjukkan padaku, sungguh tadi pagi aku berpuasa.*" Lalu beliau makan. ***Riwayat Muslim.***
9. Dari Sahl Ibn Sa'ad RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: "*Manusia tetap dalam kebaikan selama mereka menyegerakan berbuka.*" ***Muttafaq Alaih.***
10. Menurut ***Riwayat Tirmizi*** dari hadith Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda: "*Allah 'Azza wa Jalla berfirman: Hamba-hamba-Ku yang paling Aku cintai adalah mereka yang paling menyegerakan berbuka.*"
11. Dari Anas Ibn Malik RA bahwa Rasulullah SAW bersabda: "*Bersahurlah, kerana sesungguhnya dalam bersahur itu ada berkahnya.*" ***Muttafaq Alaih.***
12. Dari Salman bin 'Amir al-Dabbi bahawa Nabi SAW bersabda: "*Apabila seseorang di antara kamu berbuka puasa, hendaknya dia berbuka dengan tamar. Jika tidak mendapatkannya, hendaknya ia berbuka dengan air keranaa air itu adalah suci bersih.*" ***Riwayat lima imam. Hadits sahih menurut Ibn Khuzaimah, Ibn Hibban, dan Hakim.***
13. Abu Hurairah RA berkata: Rasulullah SAW melarang puasa wisal (puasa bersambung tanpa makan). Lalu ada seorang lelaki daripada umat Islam bertanya: "*Tetapi engkau sendiri puasa wisal, wahai Rasulullah?*" Baginda menjawab: "*Siapa*

*di antara kamu yang seperti aku? Aku menghidupkan malam dan Tuhanku memberi makan dan minum." Kerana mereka menolak untuk berhenti puasa wishol, maka Baginda berpuasa wisal bersama mereka sehari, kemudian sehari. Lalu mereka melihat bulan sabit, maka bersabdalah Baginda: "Seandainya bulan sabit terlewat muncul, aku akan tambahkan puasa wisal untuk kalian, sebagai pelajaran bagi mereka yang menolak untuk berhenti." **Muttafaq Alaih.***

14. Dari Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: "Barangsiapa tidak meninggalkan perkataan dusta dan mengerjakannya serta berlaku jahil, maka tidak ada keperluan bagi Allah untuk dia meninggalkan makanan dan minumannya." **Riwayat Bukhari dan Abu Daud. Lafaznya menurut riwayat Abu Dawud**
15. 'Aisyah RA berkata: "Nabi SAW pernah mencium sewaktu berpuasa dan bercumbu sewaktu berpuasa, akan tetapi Baginda adalah orang yang paling kuat menahan nafsunya di antara kamu". **Muttafaq Alaih dan lafaznya menurut Muslim.** Dalam suatu riwayat ditambahkan: "Pada bulan Ramadhan".
16. Dari Ibnu Abbas Radliyallaahu 'anhu bahwa Nabi Shallallaahu 'alaihi wa Sallam pernah berbekam dalam keadaan ihram dan pernah berbekam sewaktu berpuasa. Riwayat Bukhari.
17. Dari Syaddad bin 'Aus bahawa Nabi SAW pernah melewati seseorang yang sedang berbekam pada bulan Ramadhan di Baqi', lalu Baginda bersabda: "Batallah puasa orang yang membekam dan dibekam." **Riwayat lima Imam kecuali Tirmizi. Hadits sahih menurut Ahmad, Ibn Khuzaimah, dan Ibn Hibban.**
18. Anas Ibnu Malik RA berkata: "Pertama kali berbekam bagi orang yang puasa itu dimakruhkan adalah ketika Ja'far bin Abu Thalib berbekam sewaktu berpuasa. Lalu Nabi SAW melewatinya dan beliau bersabda: "Batallah puasa dua orang ini." Setelah itu Nabi SAW memberikan keringanan untuk berbekam bagi orang yang berpuasa. Dan Anas pernah berbekam ketika berpuasa." **Riwayat Daruquthni dan ia menguatkannya.**

19. Dari 'Aisyah RA bahwa Nabi SAW memakai celak mata pada bulan Ramadhan sewaktu beliau berpuasa. **Riwayat Ibnu Majah dengan sanad yang lemah.** Al-Tirmizi berkata: *"Dalam bab ini tidak ada hadith yang shahih."*
20. Dari Abu Hurairah RA bahwa Rasulullah SAW bersabda: *"Barangsiapa lupa bahwa dia sedang berpuasa, lalu dia makan dan minum, hendaklah dia meneruskan puasanya, karena sesungguhnya dia telah diberi makan dan minum oleh Allah."* **Muttafaq Alaih.**
21. Menurut riwayat Hakim: *"Barangsiapa yang berbuka pada saat puasa Ramadhan kerana lupa, maka tidak ada qadha dan kaffarah baginya."* **Hadith Shahih.**
22. Dari Abu Hurairah RA bahwa Rasulullah SAW bersabda: *"Barangsiapa yang terpaksa muntah maka tidak ada qadha baginya dan barangsiapa sengaja muntah maka wajib qadha."* **Riwayat lima Imam. Dinilai cacat oleh Ahmad dan dinilai kuat oleh Daraqutni.**
23. Dari Jabir bin Abdullah RA bahawa Rasulullah SAW keluar pada tahun pembukaan kota Mekah di bulan Ramadhan. Baginda berpuasa, hingga ketika sampai di Kura' al-Ghamam orang ramai turut berpuasa. Kemudian beliau meminta segelas air, lalu mengangkatnya, sehingga orang ramai melihatnya dan Baginda meminumnya. Kemudian seseorang berkata kepada Baginda: 'sebahagian orang tetap berpuasa.' Beliau bersabda: *"Mereka itu derhaka, mereka itu derhaka."* Dalam satu lafaz hadith sahih ada seseorang berkata kepada Baginda: *'Orang ramai berasa berat berpuasa dan sesungguhnya mereka menunggu apa yang engkau lakukan.'* Lalu setelah Ashar beliau meminta segelas air dan meminumnya. **Riwayat Muslim.**
24. Dari Hamzah bin Amr al-Aslami RA bahwa beliau berkata: *Wahai Rasulullah, sesungguhnya aku kuat berpuasa dalam perjalanan, apakah aku berdosa?* Maka Rasulullah SAW bersabda: *"Ia adalah keringanan dari Allah, barangsiapa yang mengambil keringanan itu maka hal itu baik dan barangsiapa ingin berpuasa, maka ia tidak berdosa."* **Riwayat Muslim.**

25. Asalnya dalam ***Muttafaq Alaih*** dari hadith 'Aisyah bahawa Hamzah bin Amr bertanya.
26. Ibn Abbas RA berkata: *"Orang tua lanjut usia diberi keringanan untuk tidak berpuasa dan perlu memberi makan setiap hari untuk seorang miskin, dan tidak ada qadha baginya."* ***Hadits sahih diriwayatkan oleh Daraquthni dan Hakim.***
27. Abu Hurairah RA berkata: Ada seorang lelaki menghadap Rasulullah SAW, lalu berkata: *Wahai Rasulullah, celakalah aku. Beliau bertanya: "Apa yang mencelakakanmu?" Dia menjawab: Aku telah bersetubuh dengan isteriku semasa Ramadhan. Baginda bertanya: "Apakah engkau mempunyai sesuatu untuk memerdekakan hamba?" Dia menjawab: Tidak. Beliau bertanya: "Apakah engkau mampu berpuasa dua bulan berturut-turut?" Dia menjawab: Tidak. Lalu dia duduk, kemudian Nabi SAW memberinya sekeranjang tamar seraya bersabda: "Bersedekahlan dengan ini." Dia berkata: "Apakah kepada orang yang lebih fakir daripada kami? Padahal antara dua gurun pasir tidak ada sebuah keluarga pun yang lebih memerlukannya daripada kami. Maka tertawalah Nabi SAW sampai terlihat gigi taringnya, kemudian bersabda: "Pergilah dan berilah makan keluargamu dengan kurma itu."* ***Riwayat tujuh Imam dan lafaznya menurut riwayat Muslim.***
28. Dari 'Aisyah dan Ummu Salamah RA bahwa Nabi SAW pernah memasuki waktu pagi dalam keadaan berjunub kerana bersetubuh. Kemudian Baginda mandi dan berpuasa. ***Muttafaq Alaih.*** Muslim menambahkan dalam hadith Ummu Salamah: *Dan beliau tidak mengqadha puasa.*
29. Dari 'Aisyah RA bahwa Nabi SAW bersabda: "Barangsiapa meninggal dan dia masih menanggung kewajiban puasa, maka walinya berpuasa untuknya." ***Muttafaq Alaih.***
30. Dari Abu Qatadah al-Ansari RA bahwa Rasulullah SAW pernah ditanya mengenai puasa hari Arafah, lalu Baginda menjawab: "Ia menghapuskan dosa-dosa lalu dan

yang akan datang." Beliau juga ditanya tentang puasa hari Asyura, lalu Baginda menjawab: "Ia menghapuskan dosa-dosa yang lalu." Dan ketika ditanya tentang puasa hari Isnin Baginda menjawab: "Ia adalah hari kelahiranku, hari aku diutus, dan hari diturunkan al-Qur'an kepadaku." **Riwayat Muslim.**

31. Dari Abu Ayyub al-Ansari bahawa Rasulullah SAW bersabda: *"Barangsiapa berpuasa Ramadhan, kemudian diikuti dengan berpuasa enam hari pada bulan Syawwal, maka ia seperti berpuasa setahun."* **Riwayat Muslim.**

32. Dari Abu Said al-Khudri RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: *"Jika seorang hamba berpuasa sehari di jalan Allah, nescaya Allah akan menjauhkannya dengan puasa itu dari api neraka sejauh 70 tahun perjalanan."* **Muttafaq Alaih.**

33. 'Aisyah RA berkata: *Rasulullah SAW biasa berpuasa sehingga kami menyangka Baginda tidak akan berbuka dan Baginda berbuka sehingga kami menyangka Baginda tidak akan berpuasa. Dan aku tidak pernah melihat Rasulullah SAW menyempurnakan puasa sebulan penuh kecuali bulan Ramadhan dan aku tidak pernah melihat Baginda berpuasa dalam suatu bulan lebih banyak daripada bulan Sya'ban.* **Muttafaq Alaihi.**

34. Abu Zar RA berkata: Rasulullah SAW memerintahkan kita untuk berpuasa tiga hari dalam sebulan, iaitu pada tanggal 13,14, dan 15. **Riwayat Nasa'i dan Tirmidzi. Hadits sahih menurut Ibnu Hibban.**

35. Dari Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: *"Tidak diperbolehkan bagi seorang perempuan berpuasa di saat suaminya di rumah, kecuali dengan seizinnya."* **Muttafaq Alaih dan lafaznya menurut riwayat Muslim.** Abu Daud menambahkan: *"Kecuali pada bulan Ramadhan."*

36. Dari Abu Said al-Khudri bahwa Rasulullah SAW melarang berpuasa pada dua hari, iaitu hari raya Aidilfitri dan hari raya Aidiladha. **Muttafaq Alaih.**

37. Dari Nubaisyah al-Huzali RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: "*Hari-hari tasyriq adalah hari-hari untuk makan dan minum serta berzikir kepada Allah 'Azza wa Jalla.*" **Riwayat Muslim.**
38. 'Aisyah dan Ibn Umar RA berkata: "*Tidak diizinkan berpuasa pada hari-hari tasyriq, kecuali orang yang tidak mendapatkan haiwan korban (di Mina saat ibadah haji).*" **Riwayat Bukhari.**
39. Dari Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW bersabda: "*Janganlah mengkhususkan malam Jumaat untuk bangun beribadah berbanding malam-malam lainnya dan janganlah mengkhususkan hari Jumaat untuk berpuasa berbanding hari-hari yang lainnya, kecuali jika seseorang di antara kamu sudah terbiasa berpuasa.*" **Diriwayatkan oleh Muslim.**
40. Dari Abu Hurairah RA bahwa Rasulullah SAW bersabda: "*Janganlah sekali-kali seseorang di antara kamu berpuasa pada hari Jumaat, kecuali dia berpuasa sehari sebelumnya atau sehari sesudahnya.*" **Muttafaq Alaih**
41. Dari Abu Ayyub al-Ansari RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: "*Barangsiapa berpuasa Ramadhan, kemudian diikuti dengan berpuasa enam hari pada bulan Syawwal, maka dia seperti berpuasa setahun.*" **Riwayat Muslim.**
42. Dari Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: "*Apabila sampai pertengahan Sya'ban, jangan berpuasa.*" **Riwayat lima Imam, Ahmad menghukumkan ia munkar.**
43. Dari al-Sama' bint Busrin RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: "*Janganlah kamu berpuasa (semata-mata) pada hari Sabtu melainkan apa yang telah Allah fardhukan ke atas kamu. Jika seseorang daripada kamu tidak mendapati (pada hari apa-apa makanan) melainkan satu kulit anggur atau ranting pokok, maka hendaklah ia memamahnya (supaya kamu tidak dinamakan berpuasa pada hari itu).*" **Riwayat lima Imam, rijal-rijalnya thiqah, kecuali ia adalah mudtarib. Malik menghukumkan munkar. Kata Abu Daud: 'Ia mansukh.'**

44. Dari Ummu Salamah RA bahawa Rasulullah SAW banyak berpuasa pada hari Sabtu dan Ahad. Baginda bersabda: *'Kedua-duanya adalah hari perayaan orang Musyrik. Aku ingin menyelisihi mereka.'* **Riwayat al-Nasaie, disahihkan Ibn Khuzaimah dan ini lafaznya.**
45. Dari Abu Hurairah RA bahawa Nabi SAW melarang puasa hari Arafah di Arafah. **Riwayat lima Imam kecuali al-Tirmizi. Disahihkan Ibn Khuzaimah dan al-Hakim. Al-Uqaili menghukumkannya munkar.**
46. Dari Abdullah bin Amr RA berkata, *"Sabda Rasulullah SAW: Tidak (dianggap) puasa bagi siapa yang berpuasa selamanya."* **Muttafaq 'Alaih.** Riwayat Muslim dari Abu Qatadah dengan lafaz: *"Tidak dianggap puasa mahupun berbuka."*
47. Dari Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: *"Barangsiapa menghidupkan Ramadhan dengan penuh keimanan dan mengharapkan redha Allah, diampunkan dosanya yang lalu."* **Muttafaq 'Alaih.**
48. Dari 'Aishah RA berkata: *"Rasulullah SAW ketika telah masuk sepuluh akhir Ramadhan, Baginda akan mengetatkan kainnya, menghidupkan malamnya dan mengejutkan keluarganya."* **Muttafaq 'Alaih.**
49. Dari 'Aishah RA berkata: *"Bahawa Nabi SAW beri'tikaf pada sepuluh malam akhir Ramadhan sehingga Baginda wafat, Kemudian isteri-isterinya beri'tikaf selepasnya."* **Muttafaq 'Alaih**
50. Dari 'Aishah RA berkata: *"Bahawa jika Rasulullah SAW ingin beri'tikaf, Baginda akan solat fajar, kemudian masuk ke tempat i'tikafnya."* **Muttafaq 'Alaih.**
51. 'Aisyah RA berkata: Rasulullah SAW pernah memasukkan kepalanya ke dalam rumah – Baginda di dalam masjid - lalu aku menyisir rambutnya dan jika beri'tikaf Baginda tidak masuk ke rumah, kecuali untuk keperluan. **Muttafaq Alaihi dan lafaznya menurut Bukhari.**
52. 'Aisyah RA berkata: *"Disunatkan bagi orang yang beri'tikaf untuk tidak menjenguk orang sakit, tidak melawat jenazah, tidak menyentuh perempuan dan tidak juga*



*mencumbuinya, tidak keluar masjid untuk suatu keperluan kecuali keperluan yang sangat mendesak, tidak boleh i'tikaf kecuali dengan puasa, dan tidak boleh i'tikaf kecuali di masjid jami'. Riwayat Abu Dawud. Menurut pendapat yang kuat haditj ini mauquf pada akhirnya.*

53. Dari Ibnu Abbas RA bahawa Nabi SAW: "*Tidak ada kewajiban puasa bagi orang yang i'tikaf, kecuali ia mewajibkan atas dirinya sendiri.*" **Riwayat Daraqutni dan Hakim. hadits mauquf menurut pendapat yang kuat.**
54. Dari Ibn Umar RA bahawa beberapa sahabat Nabi SAW melihat lailatul qadr dalam mimpi tujuh malam terakhir, maka barangsiapa mencarinya hendaklah dia mencari pada tujuh malam terakhir. **Muttafaq Alaih.**
55. Dari Muawiyah Ibn Abu Sufyan RA bahwa Nabi SAW bersabda tentang lailatul qadar: "*Malam dua puluh tujuh.*" **Riwayat Abu Daud dan menurut pendapat yang kuat ia adalah mauquf.** Ada 40 pendapat yang berselisih tentang penetapannya yang aku nyatakan dalam kitab Fathul Bari.
56. Dari 'Aisyah RA beliau bertanya: *Wahai Rasulullah, bagaimana jika aku tahu satu malam dari lailatul qadr, apa yang harus aku baca pada malam tersebut? Beliau bersabda: "Bacalah Ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Pengampun, Engkau menyukai keampunan, maka ampunilah aku).*" **Riwayat Imam Lima selain Abu Daud. Hadith sahih menurut Tirmidzi dan Hakim.**
57. Dari Abu Said al-Khudri RA bahwa Rasulullah SAW bersabda: "*Tidak ada perjalanan kecuali ke tiga masjid, iaitu Masjidil Haram, Masjidku ini, dan Masjidil Aqsa.*" **Muttafaq Alaih.**